Menggalakkan Kestabilan Monetari

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia bertanggungjawab menetapkan dasar monetari di Malaysia untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan perhatian yang sewajarnya kepada perkembangan ekonomi.[1] Bagi mencapai matlamat ini, MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk menilai prospek ekonomi serta inflasi Malaysia secara berkala, dan membuat keputusan mengenai Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR).

Dasar Monetari pada Tahun 2024

Ekonomi global kekal stabil pada tahun 2024 meskipun terdapat kebimbangan mengenai kelembapan ekonomi global pada awal tahun. Kebimbangan awal ini timbul berikutan langkah pengetatan dasar monetari yang lebih cepat oleh bank-bank pusat pada tahun sebelumnya, ditambah pula dengan kesan ekonomi akibat mengekalkan kadar faedah yang lebih tinggi untuk tempoh yang lebih lama bagi mengawal inflasi. Walau bagaimanapun, sepanjang tahun 2024, aktiviti ekonomi disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan, inflasi yang menjadi sederhana serta pelonggaran dasar monetari global. Perdagangan global juga kembali pulih sejajar dengan permintaan yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, pemulihan itu bukan tanpa sebarang cabaran. Sebagai contoh, konflik ketenteraan yang semakin meruncing di Timur Tengah telah menyebabkan beberapa tempoh gangguan yang berselang-seli terhadap aktiviti perkapalan. Namun begitu, peningkatan kitaran teknologi global yang mendorong permintaan terhadap semikonduktor serta barangan elektrik dan elektronik (*electrical and electronics,* E&E) lain, pertumbuhan dalam segmen bukan E&E[2] serta peningkatan aktiviti pelancongan telah membantu menyokong perdagangan global.

Apabila kesan dasar monetari yang ketat sebelum ini semakin dirasai, banyak negara mencapai kemajuan yang ketara dalam usaha mengurangkan inflasi pada tahun 2024, walaupun pada kadar yang berbeza. Penurunan harga komoditi global dan keadaan rantaian bekalan yang bertambah baik turut membantu menurunkan inflasi global. Keadaan ini telah memberikan ruang kepada bank-bank pusat utama untuk melonggarkan dasar monetari sepanjang tahun 2024, termasuk Amerika Syarikat (AS). Hasilnya, keadaan kewangan global mula menjadi lebih longgar menjelang separuh kedua tahun 2024. Namun begitu, pada masa yang sama, pasaran kewangan global juga mengalami volatiliti yang tinggi sepanjang tahun. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh peralihan jangkaan pelabur mengenai magnitud dan jangka masa pengurangan kadar dasar AS.[3] Di samping itu, ketidakpastian mengenai prospek ekonomi China dan keputusan pilihan raya AS, serta kebimbangan geopolitik yang berterusan menyebabkan tekanan yang menjadikan keadaan kewangan global lebih ketat dari semasa ke semasa. Faktor-faktor ini seterusnya memberikan kesan kepada mata wang ekonomi sedang pesat membangun, termasuk ringgit.

Meskipun terdapat cabaran persekitaran makroekonomi global, ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang

[1] Maklumat lanjut mengenai dasar monetari Malaysia dan MPC boleh didapati melalui bab "Tadbir Urus" dalam Laporan Tahunan ini dan bahagian "Kestabilan Monetari" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability).

[2] Segmen bukan E&E, seperti jentera dan peralatan (*machinery and equipment*, M&E), mendapat manfaat daripada peningkatan pelaburan dalam bidang yang sedang pesat berkembang seperti pendigitalan dan tenaga hijau.

[3] Pada awal tahun, peserta pasaran kewangan menjangkakan Federal Reserve (Fed) AS akan melonggarkan pendirian dasar monetarinya dengan ketara. Walau bagaimanapun, inflasi yang kekal tinggi di AS menyebabkan penangguhan pemotongan kadar dasar oleh Fed berbanding dengan jangkaan awal pasaran kewangan.

baik pada tahun 2024. Ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, berkembang sebanyak 5.1% (2023: 3.6%) disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dengan pelaburan yang mantap, berserta pemulihan dalam eksport. Sistem kewangan Malaysia yang utuh juga menyediakan penampan yang kukuh terhadap kesan pasaran kewangan global yang tidak menentu. Hal ini membantu memastikan keadaan kewangan domestik kekal kondusif untuk pengantaraan kewangan, dengan pertumbuhan kredit yang berterusan menyokong ekonomi.

Keadaan pasaran pekerja yang positif dengan pertumbuhan pekerjaan dan gaji yang berterusan memberi sokongan asas kepada perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan. Peningkatan kekayaan isi rumah, bersama dengan langkah-langkah dasar seperti pemindahan wang tunai bersasar,[4] turut memberi sokongan tambahan kepada penggunaan swasta. Tahun 2024 menandakan kemajuan yang selanjutnya dalam peningkatan kitaran pelaburan di Malaysia apabila berlaku lonjakan pelaburan yang ketara dalam sektor swasta dan awam. Pengembangan Malaysia dalam pengeluaran semikonduktor dan kemunculan negara sebagai hab pusat data di Asia Tenggara telah memacu projek pelaburan dalam subsektor E&E serta teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology,* ICT). Selain itu, projek sektor swasta dan awam berbilang tahun terus dilaksanakan dengan baik sepanjang tahun.

Gambar Rajah 1: Peningkatan Kitaran Pelaburan di Malaysia



1988–1997
Peralihan kepada ekonomi yang didorong oleh perkilangan



2011–2015
Pengembangan pesat dalam aktiviti minyak dan gas serta lonjakan pasaran harta tanah



2023–kini
Pelaburan bernilai tinggi yang dipacu oleh sektor ICT dan E&E

Tahukah anda? Peningkatan kitaran pelaburan dikaitkan dengan pertumbuhan pengeluaran yang lebih pantas dan boleh menjadi pemacu penting transformasi ekonomi bagi Malaysia. Sila rujuk Rencana BNM bertajuk "Menguraikan Kitaran Pelaburan di Malaysia" dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024 untuk maklumat lanjut.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Eksport Malaysia kembali pulih pada tahun 2024, sejajar dengan aktiviti perdagangan global yang bertambah baik. Kedudukan Malaysia yang kukuh dalam rantaian bekalan semikonduktor global dengan peningkatan kitaran teknologi global telah meningkatkan eksport E&E. Aktiviti pelaburan yang lebih kukuh di negara-negara serantau juga telah meningkatkan permintaan untuk eksport bukan E&E Malaysia. Di samping itu, peningkatan kapasiti penerbangan serta langkah pengecualian visa oleh Malaysia[5] menyokong peningkatan dalam ketibaan dan perbelanjaan pelancong yang berterusan. Keadaan ini seterusnya menyokong prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2024.

Inflasi dalam negeri menjadi sederhana pada tahun 2024 dalam keadaan kos global yang menurun dan tiada tekanan permintaan yang berlebihan. Kedua-dua inflasi keseluruhan dan inflasi teras mencatat kadar purata 1.8% (2023: masing-masing 2.5% dan 3%). Perkembangan luaran seperti gangguan rantaian bekalan global dan dolar AS yang lebih kukuh berbanding dengan ringgit telah menyebabkan tekanan kos pada awal tahun. Walau bagaimanapun, tekanan kos telah berkurang apabila harga komoditi global menurun, keadaan rantaian bekalan global bertambah baik dan ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama. Meskipun permintaan dalam negeri semakin meningkat, perbelanjaan isi rumah kekal di bawah trend, justeru menunjukkan tiada tekanan permintaan berlebihan.

Beberapa dasar pembaharuan oleh Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan pada tahun 2024, termasuk kadar tarif air yang lebih tinggi, pelarasan kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST),[6] dan pelaksanaan subsidi bersasar untuk diesel. Penyelarasan ini telah menyebabkan

[4] Langkah-langkah ini termasuk Sumbangan Tunai Rahmah (pemindahan wang tunai yang disasarkan untuk kumpulan berpendapatan rendah), langkah berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), serta pembayaran insentif awal kepada penjawat awam dan pesara, yang menyokong perbelanjaan isi rumah pada tahun 2024.

[5] Malaysia memberikan pengecualian visa untuk pelancong dari China dan India bagi lawatan sehingga 30 hari, dari 1 Disember 2023 hingga 31 Disember 2024. Inisiatif ini kemudiannya dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026.

[6] Pada tahun 2024, kadar SST telah dinaikkan daripada 6% kepada 8% untuk perkhidmatan terpilih termasuk penginapan, perkhidmatan profesional, dan perkhidmatan digital. Perkhidmatan lain seperti makanan dan minuman, serta telekomunikasi dikekalkan pada kadar SST 6%. Skop perkhidmatan bercukai juga diperluas untuk meliputi perkhidmatan logistik dan hiburan.

Gambar Rajah 2: Mari Berbincang tentang Inflasi

Inflasi keseluruhan mengukur inflasi secara menyeluruh dalam sesebuah ekonomi. Kadar ini berpandukan Indeks Harga Pengguna (IHP), yang dikira oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dan memantau perubahan dalam harga bagi kumpulan barangan dan perkhidmatan yang tetap untuk suatu tempoh masa. Kumpulan IHP ini mencerminkan purata corak perbelanjaan isi rumah Malaysia dan meliputi item keperluan seperti makanan dan bekalan tenaga yang cenderung mengalami turun naik harga jangka pendek.

Inflasi teras mengukur trend asas dalam perubahan harga. Di Malaysia, inflasi teras dikira dengan mengecualikan barangan yang harganya tidak menentu (contohnya daging segar, sayur-sayuran dan telur) dan barangan yang harganya ditadbir (contohnya elektrik, bayaran tol dan gula). Dengan tidak mengambil kira barangan yang turun naik harganya dianggap sebagai sementara, inflasi teras boleh mengenal pasti trend inflasi yang berterusan secara lebih baik, yang diambil kira dalam pertimbangan dasar monetari.



Sumber: Bank Negara Malaysia

tekanan harga ke atas beberapa kategori barangan dan perkhidmatan pengguna yang tertentu. Walau bagaimanapun, tekanan harga ini diimbangi oleh penurunan inflasi yang lebih menyeluruh dalam segmen lain, khususnya, makanan dan minuman bukan alkohol. Selain itu, langkah-langkah pengurangan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan mengurangkan kesan limpahan ke atas harga barangan dan perkhidmatan lain. Sebagai contoh, pengusaha pengangkutan awam dan perniagaan yang terlibat dalam pengangkutan barangan boleh terus mengakses diesel bersubsidi, lantas mengehadkan kesan kos ke atas perniagaan. Oleh itu, kesan keseluruhan pelarasan dasar tersebut ke atas inflasi telah kekal terkawal.

MPC telah mengekalkan OPR untuk tahun 2024 pada kadar 3.00%, kekal tidak berubah sejak bulan Mei 2023. Walaupun banyak bank pusat di seluruh dunia melaksanakan pelonggaran dasar monetari pada tahun 2024, prospek inflasi dan ekonomi Malaysia tidak memerlukan tindak balas yang sama. Pembukaan semula banyak ekonomi selepas krisis COVID-19 menyaksikan pemulihan dalam permintaan yang mengakibatkan tekanan inflasi yang ketara di seluruh dunia. Keadaan ini mendorong banyak bank pusat mengetatkan dasar monetari dengan ketara sepanjang tahun 2022 dan 2023 bagi menguruskan inflasi yang tinggi, berikutan pelonggaran dasar monetari yang besar bagi menyokong ekonomi semasa pandemik. Berbanding dengan negara lain, Malaysia mengalami tahap tekanan inflasi yang lebih rendah. Tahap pelonggaran dasar monetari negara semasa krisis COVID-19 tidak begitu besar.[7] Sokongan fiskal negara juga adalah pada tahap lebih sederhana. Apabila ekonomi dalam negeri berada pada kedudukan yang lebih kukuh, Malaysia telah mengambil langkah awalan dan pendekatan yang beransur-ansur dalam menaikkan OPR sejajar dengan peningkatan permintaan.[8] Pendekatan terkawal ini membantu mengekalkan persekitaran yang menyokong kegiatan ekonomi dalam negeri dan pada masa yang sama mengawal inflasi, termasuk sepanjang tahun 2024.

Pada tahun 2024, MPC memberi tumpuan pada penilaian mengenai potensi kesan kejutan penawaran[9] daripada gangguan luaran serta pembaharuan dasar dalam negeri ke atas ekonomi. Dasar monetari adalah alat pengurusan permintaan, justeru mempunyai pengaruh langsung yang terhad dalam menangani kejutan penawaran. Selain itu, sebarang perubahan OPR memerlukan masa untuk memberi kesan ke atas ekonomi. Bagi melindungi prospek jangka sederhana untuk kestabilan harga dan pertumbuhan mampan, MPC menilai dengan teliti potensi kesan jangka pendek serta jangka panjang daripada kejutan ini terhadap inflasi dan pertumbuhan. Penilaian ini melibatkan pemantauan risiko yang teliti ke atas kenaikan harga yang didorong oleh penawaran daripada menjadi berleluasa dan berterusan. Hal ini boleh berlaku terutamanya jika kejutan penawaran disertai dengan permintaan yang berlebihan serta jangkaan inflasi yang

[7] MPC menurunkan OPR sebanyak 125 mata asas secara keseluruhan pada tahun 2020 untuk menyokong ekonomi dalam negeri semasa krisis COVID-19. Maklumat lanjut mengenai pertimbangan MPC pada tahun 2020 boleh didapati dalam Laporan Tahunan BNM 2020.

[8] Antara bulan Mei 2022 hingga Mei 2023, MPC menaikkan OPR sebanyak 125 mata asas secara keseluruhan melalui lima pelarasan sebanyak 25 mata asas, sekali gus menaikkan kadar OPR daripada 1.75% kepada 3.00%. Maklumat lanjut mengenai pertimbangan MPC dalam tempoh tersebut boleh didapati dalam Laporan Tahunan BNM 2022 dan Laporan Tahunan BNM 2023.

[9] Perbincangan lanjut mengenai kejutan penawaran boleh didapati dalam Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2024 bertajuk "Kejutan Penawaran dan Implikasi Terhadap Dasar Monetari".

tidak terkawal.[10] Tanda-tanda awal kenaikan harga yang meluas dan berterusan, jika tidak dikawal, boleh membawa kepada inflasi yang tinggi dan berpanjangan. Keadaan ini akan memberikan kesan pada kebajikan semua rakyat Malaysia, terutamanya golongan isi rumah berpendapatan rendah. Inflasi yang tinggi menghakis kuasa beli dan simpanan orang ramai, khususnya memberikan kesan kepada golongan berpendapatan rendah. Inflasi yang tinggi turut menjejaskan perniagaan yang terpaksa menanggung kos yang meningkat untuk menghasilkan barangan dan menyediakan perkhidmatan, atau mengalami penurunan jualan disebabkan oleh permintaan yang berkurangan. Faktor-faktor ini seterusnya akan menyebabkan aktiviti dan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan.

Secara keseluruhannya, penilaian menunjukkan bahawa kejutan penawaran memberikan kesan terhad terhadap inflasi pada tahun 2024. Perubahan harga secara relatif daripada pembaharuan dasar dalam negeri adalah terkawal, dengan langkah-langkah berkesan yang dilaksanakan bagi menghadkan kesan ke atas kos perniagaan. Tekanan kos global pada awal tahun juga berkurangan, yang membawa kepada tekanan yang lebih rendah pada kos pengeluaran firma. Selain itu, berikutan ketiadaan permintaan dalam negeri yang berlebihan dan jangkaan inflasi yang masih terkawal, MPC mendapati tiada tanda perbelanjaan, pinjaman dan perilaku pengambilan risiko yang berlebihan oleh isi rumah dan perniagaan. Permintaan yang kukuh sepanjang tahun juga didorong oleh aktiviti pelaburan yang lebih mantap, yang akan menyokong pengembangan keupayaan pengeluaran Malaysia. Keadaan ini bermakna lebih banyak barangan dan perkhidmatan boleh dihasilkan dari semasa ke semasa untuk memenuhi permintaan masa hadapan tanpa menghasilkan tekanan harga yang berlebihan. Dengan mengambil kira semua faktor ini, tidak ada bukti bahawa kenaikan harga adalah berleluasa dan berterusan dalam persekitaran semasa. Oleh itu, keadaan ini telah membolehkan MPC meneliti kejutan penawaran tanpa perlu bertindak balas dengan melaraskan OPR. Secara keseluruhan, dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2024.

Pada tahap OPR semasa, keadaan monetari dalam negeri kekal kondusif kepada ekonomi. Keadaan kredit menyokong keperluan pembiayaan isi rumah dan perniagaan. Kadar pemberian pinjaman juga pada amnya kekal stabil. Operasi monetari BNM memberi tumpuan kepada memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan. Keadaan ini memastikan pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan dalam ekonomi berfungsi dengan teratur.[11]

Gambar Rajah 3: Angka-angka Penting Dalam Negeri bagi Tahun 2024 Secara Sepintas Lalu



Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar berkembang sebanyak

5.1%
(2023: 3.6%)

Inflasi keseluruhan berpurata pada

1.8%
(2023: 2.5%)





Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada

3.00%
sejak bulan Mei 2023

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar Pertukaran Ringgit

Seperti tahun sebelum ini, prestasi ringgit pada tahun 2024 terus dipengaruhi terutamanya oleh faktor luaran.[12] Pada separuh tahun pertama, ringgit, seiring dengan kebanyakan mata wang serantau lain menghadapi tekanan penurunan nilai berbanding dengan dolar AS. Ketidakpastian mengenai keputusan kadar faedah Fed dan kelewatan dalam pemotongan kadar faedah AS telah

[10] Jangkaan inflasi boleh mempengaruhi perilaku penetapan harga dan upah yang boleh menjejaskan inflasi sebenar. Sebagai contoh, apabila jangkaan tidak terkawal dalam persekitaran inflasi yang tinggi, firma akan menjangkakan harga, termasuk kos input mereka, akan terus meningkat, sekali gus menyebabkan mereka menaikkan harga barangan dan perkhidmatan pada kadar yang lebih pantas. Pada masa yang sama, pekerja mungkin menuntut upah yang lebih tinggi disebabkan oleh jangkaan kuasa beli mereka akan berkurang. Tingkah laku ini boleh mengakibatkan inflasi sebenar yang lebih tinggi, lantas jangkaan awal tentang inflasi tersebut menjadi nyata.

[11] BNM menjalankan operasi monetari dengan menggunakan pelbagai instrumen. Maklumat lanjut mengenai pelbagai instrumen yang digunakan boleh didapati pada bahagian "Operasi Monetari" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/overview).

[12] Maklumat lanjut mengenai pendorong ringgit, termasuk volatiliti jangka pendek dan asas jangka panjang boleh didapati melalui Rencana BNM bertajuk "Pendorong Ringgit" dalam Laporan Tahunan ini.

menyebabkan nilai dolar AS lebih kukuh, apabila pelabur terus menggemari aset dalam denominasi dolar AS. Hal ini didorong oleh kadar faedah di AS yang lebih tinggi berbanding dengan kadar faedah semasa di banyak negara, termasuk Malaysia, yang memberikan pulangan yang lebih baik kepada pelabur. Peningkatan ketegangan geopolitik juga menyebabkan peserta pasaran kewangan lebih cenderung untuk memegang dolar AS, yang lazimnya dilihat sebagai "aset selamat" dalam keadaan tidak menentu.

Pada masa ini, Kerajaan bersama-sama BNM telah mengambil tindakan terselaras untuk mengurangkan tekanan penurunan nilai ringgit. Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat dan pelabur untuk membawa balik dan menukar pendapatan asing mereka dengan lebih konsisten. Tindakan kolektif ini menyumbang kepada aliran masuk yang lebih konsisten dan membantu mengurangkan tekanan terhadap ringgit.

Selari dengan peredaran masa tahun itu, jangkaan pasaran kewangan meningkat untuk Fed mula menurunkan kadar dasarnya. Keputusan Fed untuk mengurangkan kadar dasar pada September 2024 menyebabkan perbezaan kadar faedah antara AS dengan seluruh dunia semakin mengecil. Faktor ini mendorong kepada aliran masuk modal ke pasaran pesat membangun apabila para pelabur mencari pulangan yang lebih tinggi. Susulan itu, nilai dolar AS menjadi lemah berbanding dengan mata wang pasaran utama dan sedang pesat membangun. Nilai ringgit telah meningkat berbanding dolar AS. Pada masa yang sama, keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Malaysia yang positif terus menyokong ringgit. Meskipun tekanan penyusutan nilai muncul semula pada akhir tahun disebabkan ketidaktentuan sekitar pilihan raya AS, ringgit mencatat penambahan nilai secara keseluruhan berbanding dengan dolar AS dan ekonomi utama lain pada tahun 2024 (lihat Rajah 1). Dalam jangka lebih panjang, pembaharuan struktur dalam negeri yang berterusan dijangka mendorong lebih banyak aliran pelaburan ke Malaysia. Hal ini akan memberikan sokongan yang lebih berterusan untuk ringgit.

Operasi mudah tunai dan pertukaran asing BNM terus memberikan sokongan yang diperlukan untuk memastikan keadaan pasaran yang teratur. Melalui aktiviti pembelian dan penjualan ringgit, BNM memastikan mudah tunai dua hala yang mencukupi dalam pasaran pertukaran asing semasa tempoh tekanan pasaran. Usaha ini membantu mengelakkan pergerakan kadar pertukaran ringgit yang mendadak atau berlebihan. Pergerakan ringgit sedemikian boleh mengganggu kegiatan ekonomi seperti eksport dan pelaburan.[13] BNM terus berusaha untuk memperdalam pasaran pertukaran asing melalui inisiatif berterusan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan BNM dan bank-bank yang beroperasi di Malaysia. Hal ini membantu perniagaan memenuhi keperluan pendanaan mereka dengan lebih berkesan. BNM juga terus menggalakkan akses kepada instrumen lindung nilai untuk perniagaan menguruskan risiko pertukaran asing mereka dengan lebih baik.[14]

Rajah 1: Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau Terpilih Lain pada Tahun 2024



Nota: NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal (*nominal effective exchange rate*) ringgit. NEER merupakan indeks yang mengukur prestasi ringgit berbanding mata wang rakan perdagangan utama Malaysia. Sebagai ekonomi pengeksport bersih yang mempunyai hubungan penting dengan banyak negara, NEER merupakan ukuran yang lebih baik bagi trend umum dalam kadar pertukaran berbanding dengan mana-mana kadar pertukaran dua hala yang lain (contohnya, ringgit berbanding dengan USD) untuk mengukur daya saing relatif eksport Malaysia berbanding rakan perdagangan utama.

Sumber: Bank Negara Malaysia. Kadar pertukaran yang digunakan ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur.

Analisis dan Penyelidikan

Perubahan di dalam dan luar negeri telah menjadikan tahun 2024 sebagai satu lagi tahun yang mencabar dalam memastikan kestabilan monetari. Penyelidikan BNM terus tertumpu dalam menilai daya tahan ekonomi Malaysia terhadap pelbagai kejutan dan trend yang muncul. Tugas ini kompleks memandangkan kesan daripada perkembangan ekonomi tidak selalunya jelas. Sesetengah perubahan mewujudkan volatiliti jangka pendek manakala yang lain mempunyai kesan jangka panjang. Sepanjang tahun, BNM telah memperluas usahanya untuk memahami perubahan-perubahan ini

[13] Maklumat lanjut mengenai dasar berkaitan ringgit boleh didapati melalui bahagian "Dasar Kadar Pertukaran Ringgit" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability/ringgit).

[14] Maklumat lanjut mengenai inisiatif pembangunan pasaran kewangan boleh didapati melalui bahagian "Inisiatif Pembangunan Pasaran" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/committees/fmc).

dan kesannya dengan lebih baik, yang merupakan aspek penting bagi memaklumkan penilaian dan perumusan dasar BNM.

Perkembangan penting bagi Malaysia pada tahun 2024 ialah pelaksanaan langkah-langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang masih berterusan. BNM menjalankan analisis senario untuk mengkaji kesan pelaksanaan pembaharuan dasar terhadap inflasi dan pertumbuhan dalam negeri dalam jangka masa terdekat dan sederhana. Dengan berlalunya masa pada tahun itu, BNM mengemas kini andaian senario apabila maklumat tersedia untuk memperhalusi penilaian terhadap prospek ekonomi dan inflasi Malaysia. Pelarasan dasar dalam negeri boleh memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada harga barangan dan perkhidmatan. BNM sentiasa memantau tanda kesan limpahan kepada trend harga yang lebih luas dengan menilai tahap inflasi berlanjutan dan meluas. BNM mengumpul pandangan tentang sentimen dan perilaku firma,[15] termasuk cara mereka mengurus penetapan harga dan tekanan kos apabila berhadapan dengan keadaan yang berubah. BNM juga menjalankan analisis yang lebih mendalam tentang peranan jangkaan inflasi dalam membentuk keputusan ekonomi seperti perbelanjaan isi rumah. Di samping itu, BNM terus meneliti pendorong inflasi terkini di Malaysia,[16] dan menambah baik instrumen pemantauan untuk menggabungkan lebih banyak data berfrekuensi tinggi bagi mendapatkan penunjuk yang lebih tepat pada masanya berkaitan trend inflasi asas.

Selain daripada kesan pembaharuan dasar dalam negeri, BNM menjalankan penilaian mendalam tentang peningkatan kitaran pelaburan, yang merupakan pemacu penting ekonomi Malaysia. BNM meneliti ciri-ciri pelaburan, profil perniagaan yang terlibat, serta hubung kait dengan ekonomi dalam negeri, seperti penciptaan pekerjaan. Penilaian BNM mengkaji kesan jangka pendek daripada peningkatan aktiviti pelaburan, serta potensi kesan jangka panjang terhadap ekonomi seperti peningkatan produktiviti.[17] Berhubung dengan satu lagi pemacu penting pertumbuhan, BNM meneruskan penilaian terhadap pasaran pekerja dalam negeri dan kekukuhan penggunaan swasta. Hal ini termasuk mengkaji kepentingan ekonomi gig di Malaysia serta kesannya terhadap prospek guna tenaga dan pendapatan untuk menyokong perbelanjaan isi rumah. BNM juga kerap menilai keadaan kewangan dalam negeri dan kesannya terhadap keadaan kredit dan pembiayaan, serta aktiviti penggunaan dan pelaburan.

Berlatarkan cabaran luaran, BNM mengkaji bagaimana keadaan ekonomi dan kewangan global boleh mempengaruhi ekonomi Malaysia dan ringgit. Hal ini termasuk menganalisis kesan daripada perubahan kadar dasar oleh bank pusat lain, ketegangan geopolitik, dan perubahan sentimen pasaran kewangan. Landskap global masih mempunyai perkembangan positif. Contoh utama ialah kemunculan peningkatan kitaran teknologi global, didorong oleh peningkatan penggunaan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) serta pengkomputeran awan (*cloud computing*). Dengan meneliti kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan teknologi global, BNM menganalisis bagaimana peningkatan kitaran ini boleh mempengaruhi eksport negara, industri tempatan, dan seterusnya guna tenaga dan upah dalam negeri. Analisis BNM menunjukkan bahawa Malaysia berada pada kedudukan yang baik dalam rantaian bekalan semikonduktor dan akan mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan global dalam kitaran menaik ini.[18]

Sebagai penasihat kewangan dan ekonomi kepada Kerajaan, BNM terus menyumbang secara aktif kepada beberapa kumpulan dasar antara agensi yang memberi tumpuan pada keutamaan ekonomi Malaysia. Tumpuan ini termasuk dasar yang berkaitan dengan kos sara hidup,[19] pekerja, kewangan awam, perlindungan sosial serta pelaburan. BNM memberi nasihat dasar daripada perspektif makroekonomi, dengan mengambil kira kesan potensi terhadap inflasi dan pertumbuhan dalam negeri, serta isi rumah dan perniagaan. Matlamat utama adalah untuk memelihara kestabilan makroekonomi dan melindungi kebajikan rakyat Malaysia.

BNM juga menyokong dasar yang membantu peralihan Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi. Memperkukuh aliran masuk pelaburan berkualiti adalah penting untuk memastikan daya saing ekonomi dan potensi pertumbuhan dalam jangka panjang. BNM mengadakan libat urus dengan pelabur global secara lebih langsung melalui jerayawara pelabur (*investor roadshows*) yang diselaraskan antara BNM dengan Kerajaan, bagi

[15] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Ketiga 2024 bertajuk "Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES".

[16] Maklumat lanjut tentang sama ada perubahan harga di Malaysia didorong oleh faktor keseluruhan ekonomi atau idiosinkratik boleh didapati dalam kertas kerja kakitangan BNM bertajuk "Understanding Inflation Drivers: Differentiating Common and Idiosyncratic Dynamics in Malaysia" dalam laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/publications/research).

[17] Perbincangan lanjut mengenai peningkatan kitaran pelaburan Malaysia boleh didapati dalam Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2024 bertajuk "Menguraikan Kitaran Pelaburan di Malaysia".

[18] Perbincangan lanjut boleh didapati dalam Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2024 bertajuk "Kedudukan Malaysia dalam Rantaian Nilai E&E Global dan Prospek".

[19] Perbincangan lanjut mengenai kos sara hidup boleh didapati melalui Rencana bertajuk "Membendung Inflasi, Mengurangkan Kos: Perspektif Dasar" dalam Laporan Tahunan ini.

mengetengahkan kekukuhan ekonomi dan peluang pelaburan di Malaysia. Pelancaran Portal InvestMalaysia pada November 2024[20] juga menandakan pencapaian penting dalam usaha meningkatkan lagi daya tarikan negara sebagai destinasi perniagaan dan pelaburan. Menyedari bahawa peningkatan aktiviti pelaburan pusat data mampu mencetuskan peluang pertumbuhan ekonomi selanjutnya bagi Malaysia, BNM turut menyokong pembangunan sebuah ekosistem tempatan untuk aktiviti pusat data bagi memanfaatkan potensi ini. Hal ini termasuk memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan perniagaan dan industri tempatan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan dan bahagian hadapan yang penting dalam menyokong aktiviti pusat data. BNM juga meneruskan sokongan mengenai peralihan iklim dan langkah-langkah untuk memupuk industri mobiliti hijau, lantas mengiktiraf potensinya sebagai sumber pertumbuhan baharu untuk Malaysia.[21] Tenaga kerja berkemahiran tinggi diperlukan untuk membina negara berpendapatan tinggi. BNM terus menyokong dasar yang akan membantu pekerja Malaysia memenuhi tuntutan kemahiran yang diperlukan dalam ekonomi digital pada masa hadapan. BNM juga meneruskan sokongan mengenai dasar yang menggalakkan sistem perlindungan sosial yang lebih komprehensif dan cekap bagi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia dalam jangka panjang.[22]

Komunikasi dan Jangkauan

Sepanjang tahun 2024, BNM terus berkongsi maklumat secara konsisten mengenai keputusan OPR, prospek pertumbuhan dan inflasi Malaysia, serta ringgit. Matlamat BNM adalah untuk memastikan orang ramai mendapat maklumat dan cakna dalam perkara ini. BNM sentiasa berusaha untuk meningkatkan komunikasi dan menggalakkan ketelusan yang lebih besar dalam keputusan MPC. Usaha ini termasuk berkongsi maklumat mengenai proses membuat keputusan MPC dan pandangan penting yang mendorong keputusan dibuat. Bagi tujuan ini, BNM memanfaatkan pelbagai platform komunikasi, termasuk saluran media sosial, temu bual, ucapan serta bengkel awam. BNM juga terus mengadakan libat urus secara aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan sepanjang tahun 2024, termasuk penganalisis, pelabur, industri, media dan wakil Kerajaan.[23]

BNM mengekalkan kerjasama berterusan dengan ahli akademik melalui pelbagai inisiatif. Inisiatif ini termasuk program Felo Penyelidik Tamu (Visiting Research Fellowship, VRF)[24] dan Inisiatif Sokongan Penyelidikan (Research Support Initiative, RSI).[25] Program VRF membolehkan BNM mengembangkan penyelidikannya mengenai ekonomi monetari dan kewangan dengan menghasilkan penerbitan bersama, dengan dua kertas kerja diterbitkan pada tahun 2024.[26]

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2025, seperti kebanyakan ekonomi lain, ekonomi Malaysia dijangka menghadapi cabaran yang berpunca daripada perkembangan global. Keadaan ini berlatarkan ketidakpastian berkaitan tarif dan dasar lain daripada ekonomi utama, serta konflik geopolitik. Namun begitu, permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan menjadi penampan penting terhadap kejutan luaran ini. Aktiviti pelaburan dijangka kekal kukuh dan perbelanjaan isi rumah kekal berdaya tahan. Pada masa yang sama, inflasi juga dijangka kekal terkawal pada tahun 2025. Keadaan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan pada tahun 2025 menyediakan asas yang kukuh untuk pelaksanaan langkah-langkah dasar pembaharuan struktur yang berterusan seperti yang diumumkan oleh Kerajaan. Walaupun langkah Kerajaan ini mungkin memberi kesan kepada inflasi dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa terdekat, usaha ini sangat diperlukan demi mengukuhkan daya tahan ekonomi negara, serta memastikan pembangunan ekonomi negara yang mampan dari semasa ke semasa.

Selaras dengan persekitaran global dan dalam negeri yang berubah, MPC akan terus berwaspada terhadap perkembangan berterusan yang mungkin memberi kesan terhadap prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

[20] Untuk mengakses portal InvestMalaysia, layari https://www.investmalaysia.gov.my/.

[21] Maklumat lanjut mengenai kemajuan firma Malaysia dalam perjalanan kelestarian alam sekitar boleh didapati dalam Rencana Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua 2024 bertajuk "Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar".

[22] Dasar ini termasuk dasar yang menggalakkan bantuan sosial disasarkan dengan baik untuk mereka yang memerlukan sokongan, serta jaminan pendapatan yang lebih luas untuk kumpulan mudah terjejas dan pekerja dalam sektor tidak formal (contohnya individu yang bekerja sendiri) dengan memastikan akses kepada pelan simpanan persaraan yang berdaya maju dan peluang peningkatan kemahiran.

[23] Maklumat lanjut mengenai interaksi BNM dengan orang ramai boleh didapati melalui bab "Menyantuni Rakyat Malaysia" dalam Laporan Tahunan ini.

[24] Program VRF dilancarkan pada bulan Oktober 2020. Program ini bertujuan untuk menghasilkan penerbitan penyelidikan bersama antara ahli akademik dengan kakitangan BNM. Maklumat lanjut boleh didapati menerusi laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/research/vrf).

[25] Program RSI dilancarkan pada bulan Oktober 2020. Program ini direka untuk calon pascasiswazah dan pascakedoktoran yang pakar dalam bidang ekonometrik, makroekonomi, ekonomi monetari dan kewangan, pembelajaran mesin dan sains data. Maklumat lanjut boleh didapati menerusi laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/research/rsi).

[26] Penerbitan penyelidikan bersama bertajuk "Does the threshold effect of government debt on growth exist for Malaysia?" dan "Phillips Curve Relation in Pre and Post Covid Malaysia" boleh didapati menerusi laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/publications/research).





Ahli-ahli MPC, termasuk tiga ahli luarnya, saling bertukar pandangan semasa perbincangan mendalam pada mesyuarat MPC bulan September 2024. Di samping 10 ahli MPC, mesyuarat MPC juga dihadiri oleh kakitangan BNM yang berkaitan.

Maklumat terkini mengenai perkembangan ekonomi dan monetari akan terus memaklumkan penilaian prospek pertumbuhan dan inflasi Malaysia. BNM kekal teguh dalam memastikan kestabilan harga dalam menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka panjang. Dalam persekitaran yang tidak menentu, BNM akan terus memanfaatkan platform komunikasi sedia ada untuk berkongsi pandangan yang lebih mendalam tentang perkembangan ekonomi dan kewangan Malaysia, serta risiko terhadap prospek negara. Operasi monetari BNM akan terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan dan pasaran kewangan. Usaha ini akan melengkapkan dasar BNM yang lain, demi memastikan pengantaraan kewangan berfungsi dengan lancar dan kondusif untuk ekonomi.

Untuk jangka masa yang akan datang, tumpuan BNM adalah untuk mengukuhkan daya tahan negara demi masa hadapan. Malaysia perlu menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi, memupuk pendigitalan, serta membina tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan. Terdapat juga keperluan untuk mengukuhkan daya tahan iklim negara sambil memanfaat peluang yang muncul hasil daripada peralihan. Selain usaha advokasi, BNM akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan mengenai langkah-langkah dasar yang relevan, terutama pembaharuan struktur, demi mempertingkatkan kekukuhan ekonomi negara dan meningkatkan potensi pertumbuhan Malaysia. Usaha kolektif ini bertujuan bagi mencapai aspirasi Malaysia untuk beralih kepada taraf negara maju berpendapatan tinggi dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan saksama.